

Newspaper	Berita Harian
Date	16 August 2015



Solat hajat negara kekal aman, makmur

PM bersama 10,000 umat Islam jayakan 'Doa Untuk Malaysia' di Dataran Merdeka

Oleh Mohd Azrone Sarabatin dan Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyertai lebih 10,000 umat Islam menghadiri majlis 'Doa Untuk Malaysia' di Dataran Merdeka, malam tadi.

Program tahun kedua berkonsepkan tahun kedua berlangsung lebih tiga jam itu diadakan bersempena sambutan Hari Kebangsaan 2015 negara.

Doa kesejahteraan negara

Ia juga menjadi wadah kepada kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia untuk mendoakan kesejahteraan dan keamanan negara daripada pelbagai tragedi serta bencana seperti kehilangan pesawat MH370, nahas MH17, gempa bumi di Sabah dan banjir besar yang melanda Kelantan, Pahang dan Terengganu tahun lalu.

Acara dimulai dengan solat Maghrib dan solat hajat berjemaah diikuti solat Isyak sebelum diakhiri dengan bacaan selawat dipimpin oleh pendakwah antarabangsa dari Indonesia, Habib Syech Abdul Qadir Asseggaf.

Imam Besar Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya, Hazarudin Baharudin turut memimpin bacaan doa untuk Malaysia selain persembahan kesenian Islam oleh penyanyi, Datuk Ramli Sarip dan Datuk Hattan.

Yang turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Salleh Sa'id Keruak dan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi.

Program berkenaan dianjurkan Kementerian Komunikasi dan Multimedia dengan kerjasama JASA, Yayasan Pendidikan Cheras, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Polis Diraja Malaysia.

Syikh Karim
13H
16/8/2015